



## **TALKING POINT**

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

**PROGRAM NUR RAMADAN**  
**WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**5 APRIL 2022 (SELASA)**

**MASJID AL-FIRDAUS, SEGAMBUT LUAR, WPKL**  
**6.30 PETANG**

■ Program Nur Ramadan merupakan salah satu program tahunan KWP dan DBKL dalam menyantuni golongan yang memerlukan disamping memupuk nilai kasih sayang dan prihatin dalam kalangan komuniti Wilayah Persekutuan.

■ Program Nur Ramadan dilaksanakan secara kerjasama strategik dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Yayasan Wilayah Persekutuan, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) dan McDonald's Malaysia.

■ Hari ini seramai 145 asnaf daripada 1,600 penerima di Kuala Lumpur menerima sumbangan wang tunai RM200 seorang.

■ KWP turut menyumbang periuk nasi, beras dan kurma kepada setiap penerima di Kuala Lumpur, dengan nilai keseluruhan berjumlah RM183,425.

■ Sebanyak 646 masjid, surau jumaat dan surau di Kuala Lumpur juga menerima sumbangan wang tunai keseluruhan berjumlah RM403,000 bagi mengimarahkan aktiviti Ramadan.

■ KWP turut menyumbangkan RM3,000 kepada 13 Mahad Tahfiz terpilih di 13 Parlimen Wilayah Persekutuan bagi menghidupkan suasana Ramadan.

■ McDonald's Malaysia juga menaja makanan moreh kepada kira-kira 8,500 orang sepanjang penganjuran program kali ini.

■ Secara keseluruhan, seramai 2,500 penerima sumbangan di ketiga-tiga WP adalah asnaf di kalangan anak-anak yatim, warga emas, ibu tunggal, OKU serta mereka yang kurang berkemampuan dengan melibatkan peruntukan RM500,000.